



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	15/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JPNP			

Tiga operasi bukti BH, 15 Jul 2021_20 JPNP tegas banteras ceroboh hutan simpan

Raub: Ketegasan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) membantehras kegiatan menceroboh hutan simpan kekal (HSK) di daerah ini, dibuktikan menerusi tiga operasi pemusnahan kawasan terabit dalam tempoh tujuh bulan tahun ini.

Tiga operasi bersepadu iaitu dua Operasi Musnah dan satu Operasi Pamah, dilaksanakan dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub membabitkan kebun durian Musang King dan pisang usahakan secara haram.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub, Shahril Mohamad, berkata operasi musnah pertama pada April lalu dilakukan terhadap Kompartmen Satu, HSK Sempam, membabitkan lebih 16.2 hektar ditanam 4,000 pokok durian Musang King dan 1,300 durian Duri Hitam, selain pelbagai jenis pisang.

“Operasi musnah kedua

pada Jun lalu dilakukan terhadap Kompartmen 48, HSK Kelau seluas lebih 12 hektar yang ditanam lebih 4,000 pokok pisang pelbagai jenis dan kira-kira 350 pokok durian Musang King berusia antara enam bulan hingga tiga tahun,” katanya di sini, semalam.

Shahril berkata, Operasi Pamah bermula 3 Julai lalu hingga kini membabitkan kawasan HSK Batu Talam seluas lebih 101 hektar adalah kemuncak pada usaha kerajaan negeri, JPNP dan PHD Raub menyekat pencerobohan hutan simpan kekal di daerah ini.

“Kegiatan menceroboh HSK di daerah ini lebih kepada aktiviti menanam pokok durian Musang King dan beberapa durian klon terkenal lain seperti Duri Hitam, IOI, D24, Tekka dan jenis lain.

“Sebelum pokok durian mengeluarkan hasil, pekebun mengusahakan tanaman kontan seperti pisang, selain petai, nangka

dan cempedak,” katanya.

Beliau berkata, selepas operasi menebang pokok durian dan pisang dilakukan, kerja menanam pokok hutan segera dilakukan Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat dalam usaha mengekalkan kawasan hijau di HSK.

“Di Kompartmen Satu HSK Kekal Sempam, kita menanam kira-kira 10,000 pokok hutan dan di HSK Batu Talam sebanyak 20,000 sedang ditanam.

“Kita tidak berkompromi dengan pihak menceroboh HSK di daerah ini dan mereka yang berada dalam HSK boleh didakwa mengikut Akta Perhutanan Negara (APN) 1984,” katanya.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata individu atau pihak mahu memasuki dan mendapatkan barang milik pekebun durian haram di HSK Batu Talam, Raub perlu memohon kebenaran daripada JPNP.